

# PM akan suarakan pandangan babit isu serantau, antarabangsa

Pertikaian Laut China Selatan antara dibangkit pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45

Daripada  
Zanariah  
Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib  
bh.com.my  
di Vientiane  
(Laos)



Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyuarakan ketegasan dan pandangan Malaysia dalam beberapa isu serantau serta antarabangsa, ketika menyampaikan kenyataan negara pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan

Ke-45 yang akan membuka tirainya secara rasmi esok.

Duta Malaysia ke Laos, Edi Irwan Mahmud, berkata antara isu yang akan disentuh Perdana Menteri adalah mengenai pertikaian di Laut China Selatan, ketegangan di Myanmar, konflik di Palestin dan tindakan Israel di Asia Barat, yang melanggar undang-undang antarabangsa.

Selain itu, usaha dalam memelihara keamanan dan kestabilan serta integrasi ekonomi serantau, digitalisasi dan teknologi baharu termasuk kecerdasan buatan (AI), kesejahteraan rakyat dan warga ASEAN, perubahan iklim dan jenayah rentas sempadan.

“Malaysia akan terus menyatakan pendirian tegas berhubung isu Laut China Selatan di platform berkaitan dan bersesuaian bagi memastikan hak kedaulatan serta kepentingan negara kekal terpelihara.

“Isu mengenai Laut China Selatan ini kompleks dan sensitif, namun pendirian Malaysia tetap

jelas dan konsisten.

“Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu berkaitan Laut China Selatan secara membina, berhati-hati dan menyeluruh dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai, termasuk melalui platform ASEAN ini sendiri,” katanya pada sidang media pembuka tirai Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan yang berlangsung di sini hari ini sehingga 11 Oktober.

Mengenai Myanmar, Edi Irwan berkata, Konsensus Lima Perakara (SPC) yang dicapai pada 2021 akan kekal sebagai rujukan utama ASEAN dalam menangani krisis politik di Myanmar dan ASEAN akan meneruskan usaha memudah cara penyelesaian damai berkekal di negara itu berlandaskan asas kemuafakatan berkenaan.

“Penyertaan Malaysia pada sidang kemuncak ini akan membolehkan negara berkongsi perspektif negara secara aktif

dan bertukar pandangan mengenai pelbagai isu, seperti Visi Komuniti ASEAN 2045, termasuk usaha pembangunan komuniti ASEAN yang sedang dijalankan, hubungan ASEAN dengan rakan luar serta isu semasa pada peringkat serantau dan antarabangsa.

“Pembabitian Malaysia ini menzahirkan komitmen teguh terhadap usaha pembinaan komuniti ASEAN, hubungan ASEAN dengan rakan kongsi luar, serta usaha menggalakkan keamanan dan kestabilan ketika menghadapi evolusi geopolitik serantau yang kian mencabar,” katanya.

## PM hadir lebih 20 mesyuarat

Memperincikan program pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 ini, Edi Irwan berkata, Perdana Menteri akan menghadiri lebih 20 sidang kemuncak, mesyuarat dan pertemuan dua hala.

Selain Sidang Kemuncak ASEAN esok, Perdana Menteri juga

akan menyertai pertemuan dengan wakil daripada Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN, wakil Belia ASEAN dan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC).

Pada Khamis, beberapa sidang kemuncak dengan negara rakan dialog akan diadakan, termasuk dengan China, Korea Selatan, Jepun, ASEAN Campur Tiga, Australia, India dan Kanada.

Pada hari terakhir, Perdana Menteri akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) Ke-12, Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ke-19 dan Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-14 serta Mesyuarat Kedua Pemimpin Komuniti Pelepasan Sifar Asia.

Edi Irwan berkata, pada Majlis Penutupan Sidang Kemuncak ASEAN itu, Laos akan menyerahkan jawatan pengerusi kepada Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi 2025 dan Perdana Menteri dijadualkan menyampaikan ucapan ringkas.